



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 37 Tahun 2020

**PEMAKLUMAN PENERIMAAN PEMAKAIAN SKIM FLEKSI DI UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA (UiTM) BAGI JAWATAN TETAP DAN KONTRAK BUKAN
AKADEMIK**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penerimaan pemakaian Skim Fleksi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi jawatan tetap dan kontrak bukan akademik.

LATAR BELAKANG

2. Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuarat ke-47 pada 18 Jun 2020 bersetuju mengesahkan penerimaan Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bil S38 dari Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO.600-9/12/24 JD.3(5) bertarikh 11 Mac 2020 yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020 berkaitan kelulusan Skim Fleksi bagi penambahbaikan laluan kemajuan kerjaya dan mobiliti bagi staf tetap bukan akademik sebanyak 742 jawatan mengikut skim perkhidmatan yang telah diluluskan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020.
3. Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuarat ke-50 pada 17 September 2020 bersetuju memanjangkan pemakaian Skim Fleksi bagi jawatan kontrak bukan akademik berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2020.

PELAKSANAAN

4. Proses pelaksanaan Skim Fleksi bagi staf tetap bukan akademik adalah seperti berikut:
 - i. Bagi penambahbaikan kemajuan kerjaya dan mobiliti staf tetap, proses pertukaran pelantikan boleh dipohon oleh penyandang kepada Pendaftar UiTM berdasarkan kelayakan skim perkhidmatan fleksi sebagaimana dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2016, yang telah diterima pakai penggunaannya di UiTM oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-160 bertarikh 12 September 2017.
 - ii. Pengisian jawatan bagi Skim Fleksi yang telah diluluskan ini akan dilaksanakan mengikut keperluan jawatan di sesuatu Pusat Tanggungjawab (PTJ).
 - iii. Kekosongan jawatan sedia ada akan diisi semula dengan jawatan skim fleksi yang dominan sebagaimana dalam Surat Kelulusan Perjawatan (SKP), tertakluk kepada kelulusan pengisian jawatan.

5. Proses pelaksanaan Skim Fleksi bagi staf kontrak bukan akademik adalah seperti berikut:
 - i. Pewujudan jawatan kontrak bagi Skim Fleksi akan dilaksanakan mengikut keperluan kritikal di sesuatu Pusat Tanggungjawab (PTJ) tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa.
 - ii. Pelantikan semula jawatan kontrak yang diluluskan oleh Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) akan menggunakan kelulusan asal pewujudan jawatan daripada mesyuarat Jawatankuasa Kakitangan (JKK) atau Majlis Sumber Manusia (MSM).
 - iii. Jawatan kontrak yang masih mempunyai penyandang akan dikekalkan sehingga tamat tempoh kontrak dan pertimbangan bagi penyambungan kontrak akan dibuat berdasarkan keperluan dan keadaan kewangan UiTM.
 - iv. Pengisian semula jawatan kontrak akan menggunakan jawatan skim fleksi yang dominan sebagaimana dalam SKP, tertakluk kepada kelulusan pengisian jawatan.
 - v. Penyandang yang dilantik dengan menggunakan Skim Fleksi, perlu memenuhi syarat dan kriteria skim perkhidmatan tersebut.
 - vi. Penghuraian tugas/ *Job Description* (JD) adalah dokumen penting untuk setiap perjawatan bagi memastikan fungsi tugas yang diperlukan oleh sesuatu Pusat Tanggungjawab (PTJ) jelas dan tercapai.
 - vii. Tarikh kuatkuasa bagi pelaksanaan penerimaan pemakaian Skim Fleksi bagi jawatan kontrak adalah pada 1 Oktober 2020.


- viii. Pelaksanaan skim perkhidmatan fleksi adalah terpakai bagi kesemua lantikan kontrak di UiTM termasuk lantikan Tabung Amanah PTJ.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 18 November 2020.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Oktober 2020.



ALFINA BAKAR, K.M.N
Pemangku Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Ketua Skim Perkhidmatan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 37/2020)

LAMPIRAN A

Berikut adalah senarai jawatan yang terlibat dalam skim fleksi mengikut skim perkhidmatan:

BIL	SKIM SEBELUM FLEKSI	SKIM SELEPAS FLEKSI
A.	PENGURUSAN & PROFESIONAL	
1	Jurutera	Jurutera/ Juruukur Bahan/ Juruukur Bangunan/ Arkitek/ Arkitek Landskap
2	Arkitek	
3	Arkitek Landskap	
4	Juruukur Bahan	
5	Juruukur Bangunan	
6	Ahli Muzik	Ahli Muzik/ Pegawai Kebudayaan/ Penerbit Rancangan/ Pereka
7	Penerbit Rancangan	
8	Pereka	
9	Pegawai Kebudayaan	
10	Perangkawan	Perangkawan/ Pegawai Tadbir
11	Pengurus Asrama	Pengurus Asrama/ Pegawai Tadbir
12	Pegawai Penerbitan	Pegawai Penerbitan/ Pegawai Tadbir
13	Kurator	Kurator/ Pegawai Tadbir
14	Pegawai Arkib	Pegawai Arkib/ Pegawai Tadbir
15	Pegawai Hal Ehwal Islam	Pegawai Hal Ehwal Islam/ Pegawai Tadbir
16	Pegawai Kesatria	Pegawai Kesatria/ Pegawai Tadbir
17	Juruaudit	Juruaudit/ Pegawai Kewangan
B.	KUMPULAN PELAKSANA	
18	Penolong Pegawai Perangkaan	Penolong Pegawai Perangkaan/ Penolong Pegawai Tadbir
19	Penolong Pengurus Asrama	Penolong Pengurus Asrama/ Penolong Pegawai Tadbir
20	Penolong Pegawai Penerbitan	Penolong Pegawai Penerbitan/ Penolong Pegawai Tadbir
21	Penolong Kurator	Penolong Kurator/ Penolong Pegawai Tadbir
22	Penolong Pegawai Kesatria	Penolong Pegawai Kesatria/ Penolong Pegawai Tadbir
23	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Tadbir

BIL	SKIM SEBELUM FLEKSI	SKIM SELEPAS FLEKSI
24	Penolong Juruaudit	Penolong Juruaudit/ Penolong Akauntan
25	Penyelia Asrama	Penyelia Asrama/ Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
26	Pegawai Khidmat Pelanggan	Pegawai Khidmat Pelanggan/ Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
27	Pembantu Penerbitan	Pembantu Penerbitan/ Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
28	Pembantu Hal Ehwal Islam	Pembantu Hal Ehwal Islam/ Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
29	Pembantu Kesatria	Pembantu Kesatria/ Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
30	Pembantu Muzium	Pembantu Muzium/ Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
31	Pembantu Pemuliharaan	Pembantu Pemuliharaan/ Pembantu Pustakawan
32	Pembantu Juruaudit	Pembantu Juruaudit/ Pembantu Tadbir (Kewangan)